


## Operasi bekalan air berjadual

Dua daerah di Johor iaitu Kota Tinggi dan Mersing masing masing sudah menjalankan Operasi Bekalan Air berjadual sejak Isnin lalu berikutan keadaan cuaca panas melampau yang melanda negara ketika ini.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dalam satu kenyataan media semalam berkata, seramai 17,000 akaun pengguna di dua daerah itu terbabit dalam operasi yang mekanisme satu hari ada air dan dua hari tiada air.

“Tindakan itu diambil bagi mengatasi masalah pengguna di sekitar kawasan itu yang terkesan dengan Fenomena El Nino.

“Keadaan cuaca panas itu menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus sehingga menjebabkan beberapa sungai dan empangan yang membekalkan sumber air mentah untuk bekalan air terawat kepada pengguna,” katanya dalam satu kenyataan.



**KEADAAN** terkini air Empangan Teluk Bahang yang semakin susut berbanding minggu lalu.



**PARAS** air di Tasik Beris yang membekalkan air ke Empangan Beris turut susut akibat cuaca panas.